

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD), bilakah KPM akan menerbitkan laporan tersebut untuk dikongsi bersama rakyat serta apakah pendirian KPM terhadap dapatan jawatankuasa tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) pada 18 Oktober 2018 untuk mengkaji semula dasar pendidikan negara, termasuk menambahbaik kurikulum dan sistem pendidikan. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2018.

Berdasarkan Terma Rujukan, tempoh perkhidmatan keanggotaan JKDPN adalah sehingga Laporan Kajian Dasar Pendidikan diserahkan kepada KPM. Oleh yang demikian, keanggotaan JKDPN telah pun tamat pada 2 Mei 2019, iaitu tarikh laporan tersebut diserahkan kepada KPM. Sejurus mendapat laporan JKDPN, KPM telah memperhalusi laporan tersebut secara komprehensif. Seterusnya, KPM telah mengadakan sesi perbincangan dan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, termasuk, guru, murid, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), pihak

swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sesi berkenaan telah dilaksanakan melalui dua siri makmal JKDPN yang diadakan dalam tempoh September hingga November 2019.

KPM sedang menjalankan analisis lanjut ke atas hasil laporan makmal tersebut secara menyeluruh. Analisis ini meliputi aspek implikasi kepada dasar, perundangan, perjawatan, infrastruktur dan kewangan. Kebolehlaksanaan syor JKDPN diberi penekanan utama dalam analisis ini. Hal ini penting bagi memastikan kebolehlaksanaannya selaras dengan dasar sedia ada dan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Inisiatif yang diperakui oleh KPM akan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dan seterusnya dimaklumkan kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.